
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMK 214 – Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. Bincangkan mitos kedatangan Islam seperti yang terdapat dalam **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Raja-Raja Pasai**. Berikan persamaan dan perbezaan.
(25 markah)
2. Huraikan dengan terperinci **TIGA** daripada watak-watak berikut seperti yang terdapat dalam teks **Sejarah Melayu**.
 - (a) Bendahara Paduka Raja Tun Perak
 - (b) Sultan Mansur Syah
 - (c) Sultan Muzafir Syah
 - (d) Sultan Mahmud Syah
(25 markah)
3. Dalam **Hikayat Raja-Raja Pasai**, diceritakan tentang sejarah kegembilangan dan keruntuhan kerajaan Pasai. Buktikan kebenaran pernyataan ini melalui watak Sultan Ahmad Perumudal Perumal.
(25 markah)
4. Dalam **Hikayat Merong Mahawangsa** dipaparkan cerita Raja Bersiung. Huraikan dengan jelas watak Raja Bersiung dan beri pendapat anda pengajaran yang terdapat di sebalik cerita tersebut.
(25 markah)
5. **Hikayat Hang Tuah** telah digolongkan sebagai karya Epik Melayu. Bincangkan sejauh manakah karya ini menepati definisi epik dan watak Hang Tuah sebagai wira epik kebangsaan.
(25 markah)
6. Tokoh-tokoh yang terdapat dalam teks sastera sejarah seperti Lambu Mangkurat (**Hikayat Banjar**), Bendahara Paduka Raja Tun Perak (**Sejarah Melayu**), Laksamana (**Syair Sultan Maulana**) dan Raja Kecil Siak (**Tuhfat al-Nafis**) adalah watak-watak utama yang memainkan peranan penting dalam sejarah dinasti masing-masing. Bincangkan **TIGA** daripada watak-watak tersebut.
(25 markah)
7. Bincangkan teknik penyampaian **Syair Sultan Maulana**.
(25 markah)

- ooo O ooo -